Rujukan: UKM.CTR.600-3/2/3
Tarikh: 01 Julai 2020

**PEKELILING PUSAT CITRA UNIVERSITI BIL. 2/2020**

Timbalan Dekan (Akademik)
Semua Fakulti
Universiti Kebangsaan Malaysia

Y.Bhg. Prof.,

**PENAWARAN KURSUS BAHARU WAJIB UNIVERSITI**
**LMCW 2143 FALSAFAH & ISU SEMASA DAN LMCW 2153 PENGHAYATAN ETIKA & PERADABAN**

Adalah dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan Mesyuarat SENAT ke 466 pada 17 Jun 2020 telah meluluskan penawaran kursus wajib universiti yang baharu LMCW 2143 Falsafah & Isu Semasa dan LMCW 2153 Penghayatan Etika & Peradaban. Untuk makluman pihak Y.Bhg. Prof. kursus ini akan dilaksanakan kepada pelajar pada kemasukan sesi akademik 2019-2020 dan akan bermula pada semester 1 sesi pengajian 2020/2021. Bagi pelajar kemasukan sebelum sesi akademik 2019/2020 perlulah mengambil kursus LMCW2163 Tamadun Islam & Tamadun Asia dan LMCW2173 Hubungan Etnik sebagai syarat pengijazahan.

3. Bersama-sama ini disertakan petikan minit mesyuarat SENAT ke 466 untuk makluman pihak Y.Bhg. Prof. Sebarang maklumat lanjut, pihak Y.Bhg. Prof. bolehlah berhubung dengan Dr. Rosma Ayu Harun menerusi email ayu77@ukm.edu.my atau talian 6890.

Sekian, terima kasih.

Yang menjalankan amanah

**PROF. DATUK DR HARLINA HALIZAH HJ. SIRAJ**
Pengarah

s.k - Prof. Madya Dr. Mashitoh Yaacob
Timbalan Pengarah (Akademik dan Pelajar)

- Timbalan Pendaftar
Pusat Pengurusan Akademik UKM

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
*The National University of Malaysia*

**SULIT** **PETIKAN MINIT MESYUARAT SENAT KE- 466**

Tarikh : 17 Jun 2020
Masa : 9:00 pagi hingga 12:00 tengahari
Tempat : Bilik Persidangan, Aras 2, Bangunan Kedekanan Fakulti Sains dan Teknologi

## IV. Perbincangan Kertas Kerja

### 6. Menimbangkan Petikan Minit/ Minit Mesyuarat Jawatankuasa

#### 6.3. Kertas bil. 73/2020 – Cadangan Penawaran Kursus Baharu LMCW2143 Falsafah dan Isu Semasa, Pusat Citra Universiti

Senat:

i. mengambil perhatian akan penerangan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) mengenai cadangan penawaran kursus baharu LMCW2143 Falsafah dan Isu Semasa seperti berikut:

| Bil. | Perkara | Keterangan |
|---|---|---|
| 1. | Kod dan Nama Kursus | LMCW2143 Falsafah dan Isu Semasa |
| 2. | Taraf Kursus | Wajib Universiti (CW) |
| 3. | Nilai Kredit | 3 kredit |
| 4. | Objektif Kursus | Memberi pendedahan kepada pelajar untuk memahami bidang falsafah sebagai alat untuk mengharmonikan budaya pemikiran tentang kehidupan melalui seni dan kaedah berfikir serta konsep insan. |
| 5. | Justifikasi Penawaran | i. Selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Rukun Negara dan Objektif Strategik 2.4, Pelan Anti-Rasuah Nasional 2019- 2023 yang mengesyorkan penawaran kursus mata pelajaran wajib yang menekankan kepada aspek hubungan antara manusia dan implikasi terhadap persekitaran;<br>ii. Penawaran ini menggantikan Kursus Wajib Universiti sebelum ini iaitu LMCW2163 Tamadun Islam & Tamadun Asia.<br>iii. Pelaksanaan kursus wajib universiti baharu ini bermula pada kemasukan Sesi Akademik 2019/2020 di seluruh IPT di Malaysia dan di UKM pelaksanaan ini bermula ketika pelajar kemasukan sesi 2019/2020. |

| Bil. | Perkara | Keterangan | |
|---|---|---|---|
| 6. | Tarikh Perakuan Kursus | **Perakuan** | **Tarikh** |
| | | Mesyuarat PCU | 26 Mac 2020 |
| | | Perakuan PJK | 2 April 2020 |
| | | Perakuan JPPA ke-250 | 6 Mei 2020 |

ii. **bersetuju meluluskan** penawaran kursus baharu LMCW2143 Falsafah dan Isu Semasa mulai Semester 1 Sesi Akademik 2020/2021.

**Tindakan: Pengarah PCU**

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
*The National University of Malaysia*

**SULIT** **PETIKAN MINIT MESYUARAT SENAT KE- 466**

Tarikh : 17 Jun 2020
Masa : 9:00 pagi hingga 12:00 tengahari
Tempat : Bilik Persidangan, Aras 2, Bangunan Kedekanan Fakulti Sains dan Teknologi

## IV. Perbincangan Kertas Kerja

### 6. Menimbangkan Petikan Minit/ Minit Mesyuarat Jawatankuasa

#### 6.4. Kertas bil. 74/2020 – Cadangan Penawaran Kursus Baharu LMCW2153 Penghayatan Etika dan Peradaban, Pusat Citra Universiti

Senat:

i. mengambil perhatian akan penerangan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) mengenai cadangan penawaran kursus baharu LMCW2153 Penghayatan Etika dan Peradaban seperti berikut:

| Bil. | Perkara | Keterangan |
|---|---|---|
| 1. | Kod dan Nama Kursus | LMCW2153 Penghayatan Etika dan Peradaban |
| 2. | Taraf Kursus | Wajib Universiti (CW) |
| 3. | Nilai Kredit | 3 kredit |
| 4. | Objektif Kursus | Memberi pendedahan kepada pelajar untuk memahami bidang falsafah sebagai alat untuk mengharmonikan budaya pemikiran tentang kehidupan melalui seni dan kaedah berfikir serta konsep insan. |
| 5. | Justifikasi Penawaran | i. Selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Rukun Negara dan Objektif Strategik 2.4, Pelan Anti-Rasuah Nasional 2019- 2023 yang mengesyorkan penawaran kursus mata pelajaran wajib yang menekankan kepada aspek hubungan antara manusia dan implikasi terhadap persekitaran;<br>ii. Penawaran ini menggantikan Kursus Wajib Universiti sebelum ini iaitu LMCW2173 Hubungan Etnik.<br>iii. Pelaksanaan kursus wajib universiti baharu ini bermula pada kemasukan Sesi Akademik 2019/2020 di seluruh IPT di Malaysia dan di UKM pelaksanaan ini bermula ketika pelajar kemasukan sesi 2019/2020. |

<table>
<tr><th>Bil.</th><th>Perkara</th><th>Keterangan</th></tr>
<tr><td>6.</td><td>Tarikh Perakuan Kursus</td><td><table><tr><th>Perakuan</th><th>Tarikh</th></tr><tr><td>Mesyuarat PCU</td><td>26 Mac 2020</td></tr><tr><td>Perakuan PJK</td><td>2 April 2020</td></tr><tr><td>Perakuan JPPA ke-250</td><td>6 Mei 2020</td></tr></table></td></tr>
</table>

ii. **bersetuju meluluskan** penawaran kursus baharu LMCW2153 Penghayatan Etika dan Peradaban mulai Semester 1 Sesi Akademik 2020/2021.

**Tindakan: Pengarah PCU**